

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Landskap dan Nurseri 7301/1 mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Calon wajib menjawab semua soalan.

Bahagian A (prosedur)	mengandungi 10 soalan aras rendah berbentuk struktur. Setiap soalan membawa kepada lima skor dan jumlah keseluruhan skor ialah 50 skor.
Bahagian B (aplikasi)	mengandungi tiga soalan aras sederhana berbentuk esei respon terhad. Setiap soalan diperuntukkan 10 skor dengan jumlah keseluruhan skor ialah 30 skor.
Bahagian C (kreativiti)	mengandungi dua soalan aras tinggi berbentuk esei respon terbuka. Setiap soalan diperuntukkan 10 skor dengan jumlah keseluruhan skor ialah 20 skor.

Calon dikehendaki menjawab semua soalan di ruang yang disediakan dalam kertas soalan. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab semua soalan bahagian A, B dan C ialah selama dua jam setengah (2 ½ jam).

**PRESTASI KESELURUHAN**

Secara keseluruhannya, sebahagian besar calon dapat menyampaikan idea secara sederhana sahaja. Kecenderungan calon mengeluarkan idea yang baik dibantu oleh grafik yang disediakan. Walau bagaimanapun, ramai calon tidak dapat menguasai soalan-soalan berbentuk aplikasi dalam bahagian B dan soalan berbentuk kreativiti pada bahagian C.

Ada kecenderungan kompetensi dalam penilaian berasaskan sekolah amat mempengaruhi kemampuan calon menjawab soalan yang dikemukakan sepertimana projek simenfero dalam bahagian B, soalan nombor tiga walaupun ianya berbentuk aplikasi.

Majoriti calon boleh menguasai kemahiran asas menulis dan membaca dengan baik dan menggunakan laras bahasa yang betul. Namun begitu masih terdapat calon yang gagal menguasai kemahiran asas tersebut sehingga mereka tidak dapat menulis perkataan dengan betul. Ini disebabkan sebilangan besar daripada calon yang mengambil mata pelajaran ini terdiri daripada calon-calon yang menguasai tahap minima dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Perbandingan prestasi calon-calon hanya berdasarkan dapatan tahun semasa kerana mata pelajaran ini baru diperkenalkan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2003.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan yang dikemukakan dan boleh menjawab menepati kehendak soalan. Calon dapat memberi fakta berserta huraian yang bernas dan menepati peraturan jawapan. Tulisan jelas dan mudah dibaca. Calon juga dapat menghurai fakta yang diberi dengan jelas berserta dengan bantuan grafik.

Calon dapat mengeluarkan idea pada bahagian B dan C yang memerlukan aras kesukaran yang tinggi dengan baik. Di samping itu, calon dapat menjawab semua soalan yang dikemukakan dan mengaitkan jawapan dengan kompetensi yang dipelajari dalam modul dengan situasi yang baru.

### **Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Sebahagian besar calon dapat menjawab semua soalan yang dikemukakan menghampiri peraturan jawapan. Manakala sebahagiannya lagi memberi jawapan yang kurang lengkap dan kurang menepati kehendak peraturan jawapan.

Calon boleh memberi fakta dengan betul tetapi tidak dapat menghuraikannya dengan baik. Terdapat sebilangan calon yang tidak menjawab mengikut kata tugas yang diperlukan terutama dalam menghuraikan fakta-fakta yang diberi. Calon tidak menjawab mengikut pecahan soalan yang diberikan menyebabkan mereka mendapat skor yang rendah.

### **Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Sebahagian besar calon tidak menjawab keseluruhan soalan terutama pada bahagian B dan bahagian C yang memerlukan fakta dan huraian. Calon tidak dapat mengeluarkan idea yang bernas di samping tidak mampu mengolah ayat untuk menjawab soalan. Terdapat juga calon yang hanya menyalin semula soalan yang dikemukakan. Calon tidak menguasai kemahiran asas menulis, membaca dan mengira menyebabkan tulisan mereka sukar atau tidak dapat dibaca dan tidak difahami maksud yang ingin disampaikan seperti penggunaan dialek aderah. Calon dalam kumpulan ini juga lebih cenderung menjawab soalan-soalan berbentuk grafik, ringkas atau menanda pada kotak yang disediakan.

## **PRESTASI TERPERINCI**

### **Bahagian A**

#### **Soalan 1**

Majoriti calon boleh menjawab dengan betul. Calon-calon mampu mengaplikasi kompetensi yang telah dilakukan semasa pembelajaran dalam bentuk tulisan sebagaimana yang dikemukakan pada soalan. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang kurang memahami soalan dan tidak dapat menjawab dengan tepat atau memberikan jawapan yang lain. Sebahagian kecil calon tidak menjawab soalan ini. Soalan ini memerlukan calon menyatakan lima faktor pemilihan pasu dan bukannya jenis pasu.

#### **Soalan 2**

Semua calon menjawab soalan ini dan sebahagian besar daripadanya mendapat skor yang penuh. Ini disebabkan calon dapat membezakan alatan yang sesuai berpandukan grafik yang disediakan. Walaupun begitu terdapat juga calon yang kurang memahami kehendak soalan dimana mereka menandakan kesemua ruang yang diberi menyebabkan mereka kehilangan skor. Soalan ini menghendaki calon memilih hanya lima daripada tujuh alatan, yang sesuai untuk tujuan pemangkasan dengan menandakan ( $\surd$ ) pada petak yang disediakan.

### Soalan 3

Majoriti calon dapat memberikan jawapan dengan betul. Calon dapat menguasai soalan dengan dibantu oleh langkah-langkah yang diberi. Namun begitu, sebilangan kecil calon tidak menjawab seperti yang dikehendaki dengan menyatakan langkah yang tidak relevan dengan kehendak soalan. Calon sebenarnya dikehendaki menyenaraikan lima langkah membiak tumbuhan sansevieria secara keratan daun berpandukan grafik yang diberi.

### Soalan 4

Soalan ini mengandungi pecahan a, b, dan c. Hanya sebahagian daripada calon yang boleh menjawab dengan betul. Calon boleh menyatakan langkah menyediakan keratan batang sehingga ke peringkat mengubah anak benih. Walaupun begitu calon yang gagal memahami kehendak soalan telah memberikan langkah-langkah yang tidak relevan. Soalan pecahan (a) memerlukan calon menyatakan dua langkah menyediakan keratan batang. Manakala pecahan (b) menghendaki calon menyatakan dua penjagaan tanaman di dalam beg politena dan pecahan (c) memerlukan calon menyatakan satu persediaan terhadap anak pokok sebelum diubah ke dalam pasu.

### Soalan 5

Majoriti calon menjawab soalan pecahan (a), tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang dapat menjawab dengan betul. Manakala soalan pecahan (b), ramai daripada calon dapat menjawab dengan betul berdasarkan pengalaman yang telah mereka lalui. Calon dapat melengkapkan kotak tajuk dengan jawapan yang betul berbantuan grafik yang diberi. Walaupun begitu sebahagian calon tidak dapat melengkapkan kotak tajuk dengan betul dengan mengisi perkara-perkara yang tidak relevan. Pecahan (a) memerlukan calon mengisi kotak tajuk dengan tiga tajuk selain daripada jawapan yang telah diberi. Manakala pecahan (b) pula memerlukan calon menyenaraikan dua bahan yang sesuai untuk membina model tumbuhan.

### Soalan 6

Sebahagian besar calon menjawab soalan tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang dapat menjawab dengan betul bagi soalan pecahan (a). Murid kurang faham dengan kehendak soalan dengan memberikan jawapan yang tidak relevan. Hanya sebilangan kecil calon yang memahami kehendak soalan dan dapat menjawab dengan betul. Manakala majoriti calon berjaya menjawab dengan betul bagi soalan pecahan (b) kerana calon dapat menguasai kemahiran pemilihan biji benih berdasarkan pengalaman yang telah mereka lalui. Pada soalan pecahan (a), calon dikehendaki menyatakan tiga langkah menyediakan medium semaian biji benih. Manakala soalan pecahan (b), pula memerlukan calon menyatakan dua ciri biji benih yang baik.

### Soalan 7

Sebahagian besar calon menjawab soalan. Hanya sebahagian kecil calon dapat menjawab dengan betul bagi soalan pecahan (a). Manakala soalan pecahan (b), hampir kesemua calon dapat menjawab dengan betul. Calon cemerlang dapat mengemukakan langkah menyediakan beg politena berdasarkan pengalaman yang telah mereka lalui. Namun begitu terdapat calon yang kurang memahami kehendak soalan pecahan (a), menyebabkan mereka kehilangan skor. Soalan pecahan (a), calon dikehendaki menyatakan tiga langkah menyediakan beg politena sebagai bekas semaian. Manakala soalan pecahan (b) pula calon dikehendaki menyatakan dua jenis bekas semaian selain daripada beg politena.

### **Soalan 8**

Kebanyakan calon menjawab soalan. Walau bagaimanapun hanya sebahagian kecil calon yang dapat menjawab soalan pecahan (a), dengan betul. Bagi soalan pecahan (b), majoriti calon dapat menjawab dengan betul. Calon dapat menyatakan prosedur menyediakan tumbuhan untuk pemasangan semula berdasarkan pengalaman yang mereka lalui. Bagi calon yang kurang memahami kehendak soalan, mereka tidak menjawab mengikut fakta yang diberi. Calon dikehendaki menyatakan tiga langkah penyediaan tumbuhan untuk pemasangan semula dan dua langkah menyediakan pasu baru.

### **Soalan 9**

Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan betul. Calon menguasai kemahiran pemangkasan dan dapat menyenaraikannya dengan betul. Walaupun begitu terdapat calon yang tidak menjawab soalan ini sepenuhnya. Calon dikehendaki menyenaraikan lima langkah kerja pemangkasan pokok.

### **Soalan 10.**

Majoriti calon menjawab menepati kehendak soalan. Berdasarkan pengalaman yang telah dilalui, calon dapat menamakan tumbuhan yang sesuai ditanam dalam bekas yang ditunjukkan dalam rajah. Namun begitu masih terdapat calon yang tidak menjawab dengan sepenuhnya. Soalan ini memerlukan calon menamakan tumbuhan hiasan yang sesuai ditanam di dalam bekas seperti dalam rajah yang diberi.

## **Bahagian B**

### **Soalan 1**

Tidak semua calon menjawab soalan ini dan hanya sebahagian daripadanya menjawab dengan betul memperolehi skor yang tinggi. Manakala selebihnya mendapat skor yang rendah. Calon yang menjawab dengan baik mampu mengaplikasi kemahiran yang dipelajari dalam situasi yang baru. Manakala calon yang gagal mengaplikasi kemahirannya kepada situasi yang baru gagal mendapat skor atau mendapat skor yang rendah. Calon dikehendaki menerangkan langkah-langkah persediaan lubang penanaman dan penanaman pokok palma.

### **Soalan 2**

Kebanyakan calon yang menjawab tidak menepati kehendak soalan. Hanya sebahagian kecil yang dapat menjawab dengan betul mengikut fakta yang diberi. Calon ini berkebolehan mengaplikasi kemahiran yang mereka perolehi kepada situasi yang baru. Terdapat calon yang mendapat skor yang rendah disebabkan mereka menjawab soalan tidak pada pecahan soalan yang betul. Ini disebabkan daya pemahaman mereka yang rendah. Soalan ini menghendaki calon menerangkan cara penyediaan pokok penanti, penyediaan sion dan seterusnya melakukan cantuman baji berdasarkan rajah yang disediakan.

### **Soalan 3**

Majoriti calon dapat menjawab dengan betul kerana mereka berjaya mengaplikasikan kemahiran dalam situasi baru mengikut kehendak soalan. Calon juga dapat menjawab dengan mengikut pecahan soalan dengan betul berdasarkan rajah yang diberi. Terdapat juga calon yang tersilap dengan memberi jawapan pada pecahan soalan yang tidak betul. Soalan ini menghendaki calon menerangkan langkah-langkah membentuk kerangka, menyediakan mortar, melepai, dan membuat kemasan simenfero pada situasi yang baru.

## **Bahagian C**

### **Soalan 1**

Sebahagian kecil sahaja calon yang menjawab soalan dan tiada calon yang memperolehi skor yang tinggi. Calon mampu mengeluarkan idea kreatif dengan menghasilkan jadual rancangan kerja tetapi mereka kurang berupaya untuk mengembangkan idea itu untuk menghasilkan sebuah jadual kerja yang lengkap. Terdapat juga jadual kerja yang tidak menepati format yang betul kerana calon tidak mampu menghubungkan kemahiran membuat jadual kepada situasi yang baru. Calon dikehendaki menyediakan satu jadual rancangan kerja yang lengkap bagi menyediakan tumbuhan hiasan semusim mengikut kreativiti masing-masing. Jadual rancangan kerja yang lengkap perlulah mengandungi tarikh, aktiviti, dan catatan. Skor yang tinggi mengambil kira keluwesan, kelancaran, kejelasan dan keaslian calon menghasilkan idea yang kreatif.

### **Soalan 2**

Hanya sebilangan kecil sahaja calon menjawab soalan ini dan tiada calon yang memperolehi skor yang tinggi. Calon hanya dapat memberikan satu atau dua fakta strategi pemasaran dan tidak dapat menghuraikannya dengan lebih lanjut. Soalan ini memerlukan calon memberikan sekurang-kurangnya empat strategi pemasaran dan menghuraikannya mengikut kreativiti calon. Skor yang tinggi mengambil kira keluwesan, keaslian, kelancaran dan kejelasan calon dalam mengeluarkan idea yang kreatif.

## **SARANAN KEPADA CALON**

1. Membaca dan memahami kehendak sebenar soalan sebelum menjawab.
2. Calon sepatutnya mengaitkan jawapan dengan kompetensi semasa pengajaran dan pembelajaran dalam pentaksiran berasaskan sekolah terutama pada bahagian A, iaitu cara lama situasi lama.
3. Calon perlu mengaplikasikan kompetensi mereka untuk menjawab soalan terutama pada bahagian B iaitu cara lama situasi baru.
4. Calon perlu mengeluarkan idea yang kreatif tentang kompetensi mereka dalam cara lama dan situasi baru/lama semasa menjawab bahagian C.
5. Calon perlu memahami kata tugas dalam setiap soalan supaya mereka boleh menjawab mengikut kehendak soalan.
6. Calon perlu menjawab semua soalan dan mengeluarkan idea yang relevan untuk membantu mendapatkan skor yang tinggi.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
2. Menguji kompetensi calon secara bertulis selepas setiap modul.
3. Menggalakkan calon membuat nota atau laporan bagi setiap kompetensi yang telah dilakukan.
4. Mengulangi kompetensi yang telah dilakukan pada masa tertentu di luar waktu pengajaran dan pembelajaran untuk memantapkan daya intelek calon.
5. Membuat latihan kompetensi mereka dalam bentuk penulisan.
6. Menggalakkan calon menjawab semua soalan dan mengeluarkan idea yang berkaitan untuk mendapatkan skor.